

Pantun Melayu ala Rusia

By:

Victor Pogadaev

(Kertaskerja dibentangkan dalam *Seminar Pantun Melayu* yang berlangsung pada 6-7 Disember 2007 di Universiti Kebangsaan Malaysia).

Seminar Pantun Melayu
6-7 Disember 2007
Universiti Kebangsaan Malaysia


kertas kerja

PANTUN MELAYU ala RUSIA

Victor Pogadaev

Anna Pogadaeva

(Universiti Malaya)



Pantun Melayu ala Rusia
oleh Victor Pogadaev dan Anna Pogadaeva

Pantun Melayu datang ke Rusia melalui Eropah pada akhir kurun ke-XIX. Kebetulan pada masa itu di Rusia ada aliran sastera Abad Keperakan yang mencari bentuk dan irama baru untuk puisi. Mereka tertarik akan pantun dan menggunakan struktur pantun Melayu itu dalam puisinya. Antara mereka ialah Valery Bryusov (1873-1924), Adelina Adalis (1900-1969), Nikolay Gumilyev (1986-1921) dll.

Pengajian ilmiah pantun Melayu ditaja oleh A.N. Veselovsky (1838-1906) dan disambungkan oleh Lyudmila Mervart (1888-1965), Boris Parnickel, Vladimir Braginsky.

Beberapa pengkaji melihat ciri-ciri persamaam antara pantun Melayu dan bentuk folklore Rusia “chastushka” yang kebetulan juga terdiri dari empat barisan dan mempunyai struktur hampir sama (sampiran dan isi).

Pantun Melayu ialah popular di Rusia sampai kini. Pada tahun 1996 dalam antologi puisi tradisional dan moden Melayu *Ruchei* (Sumur di Ladang) termuat terjemahan 69 pantun.

Beberapa penyair moden Rusia juga tertarik kepada pantun dan menciptakan puisinya dengan menggunakan irama pantun. Misalnya Svetlana Gorshunova (1974-2001) mempunyai puisi berjudul *Pantun. Malaysky Stikh* (Pantun. Puisi Melayu). Kadang-kadang penyebutan pantun ditemui dalam karya prosa juga. Dalam cereka sains *Vlastelin Mira* (Penguasa Dunia) oleh Nikolai Dashkiev ada episod kematian seorang hero utama. Jadi temannya meratapinya dan berkata: “Kau mati sebelum negara kita bebas, tetapi dalam bakal kemenangan kita ada sumbangan kau juga dan ibu-ibu Melayu akan menyanyikan pantun tentang keberanian kau...”.

Bukankah itu ialah bukti nyata tersebarnya pengetahuan tentang pantun di Rusia.

(victor@um.edu.my)

PENGENALAN

Pantun yang merupakan salah satu genre puisi Melayu yang unik dan menarik, pernah banyak dikaji oleh pelbagai sarjana dan ahli sastera baik di Malaysia sendiri mahu pun di negara-negara lain, seperti Harun Aminurrashid, Muhammad Haji Salleh, Goh Thean Chye (Malaysia), Suripan Hadi Hutomo (Indonesia), H. Overback, A.W. Hamilton, Francois-Rene Daille (Perancis), A.N. Veselovsky (Rusia).

Pantun Melayu juga pernah diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa Eropah, antaranya bahasa Perancis, Rusia, Inggeris, Itali, Poland. Antara mereka yang melakukan penterjemahan ialah Theodore de Banville, Louisa Siefert, Leconte de Lisle, Charles Baudelaire (Perancis), Hamilton, William Marsden (Inggeris), Stiller (Poland), Permyakov (Rusia).

Selain daripada penyebaran ilmu pengetahuan, genre puisi Melayu itu juga mempengaruhi perkembangan sastera atau puisi Barat pada abad ke-19–20. Ramai penyair Eropah dan Amerika yang masyur bereksperimen dan menggunakan bentuk pantun Melayu untuk

menciptakan puisinya. Misalnya, di Czechoslovakia, pantun diperkenalkan ke dalam kesusasteraannya sejak abad ke-19 melalui penglibatan Jaroslav Seifert, pengarang yang terkenal selepas beliau pulang daripada mengembara ke Indonesia. Beliau menghasilkan pantun yang berjudul “Dvanact pantoumu o lasce” (Dua belas pantoum tentang cinta) (Zalila Sharif, 2002: 72).

Penyair negara Perancis dan Itali pula menghasilkan karya yang meniru bentuk puisi Melayu. Dari Eropah pantun mula dikenali di Rusia.

DEFINISI PANTUN MELAYU

Menurut Kamus *Dewan Edisi Keempat* (2005: 1137), *Pantun* ialah puisi lama yang biasanya terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap (dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan yang selainnya mengandungi maksudnya).

Md. Salleh Yaapar (2002: 77) mendefinisikan pantun sebagai “puisi Melayu tradisional daripada khazanah lisan”. Menurutnya, pada asasnya pantun terdiri daripada empat baris yang mandiri dengan skema rima a, b, a, b. Dua baris pertama merupakan pembayang atau sampiran, manakala dua baris berikutnya mengandungi isi. Biasanya bahagian pembayang menampilkan imej-imej atau unsur-unsur alam, sementara bahagian isi merujuk kepada dunia manusia yang meliputi perasaan, pemikiran, dan segala macam keperihalan hidupnya. Selain bentuk asas yang amat dikenali ini, terdapat juga pantun dua baris, enam baris, lapan baris, dan bentuk yang berkait yang dikenali sebagai pantun berkait.

Bagi Katharine Sim (1987: 12), “The *pantun* is a four-lined verse, consisting of alternating, roughly rhyming lines. The first and second lines sometimes appear completely disconnected in meaning from the third and fourth, but there is almost invariably a link of some sort. Whether it be merely an association of ideas, or of feeling, expressed through assonance or through the faintest nuance of a thought, it is nearly always traceable”.

Francois-Rene Daillie dalam bukunya *Alam Pantun Melayu* (1990) mencatat bahawa ramai pengkaji sastera di Barat memberi definisi kepada pantun dengan kurang tepat dan jelas. Hal itu berkaitan dengan kekurangan pengetahuan mengenai pantun Melayu yang benar dan mungkin pengaruh penyair Barat yang menggunakan bentuk pantun Melayu itu tetapi dalam caranya sendiri dengan mengubahnya.

Definisi pantun yang paling ringkas dan tepat diberi oleh Denys Lombard dalam *Encyclopaedia Universalis*: “The *pantun* is a short quatrain rhyming ABAB. The idea is expressed in the third and fourth lines, the first two lines containing, on principle, only an allusion, often sibylline, or even sometimes being chosen only for the sake of euphony.[...] Most of the finest pantuns are love poems”. (Francois-Rene Daillie, 1990: 22)

PANTUN MELAYU *ala* **RUSIA**

Pengaruh sastera Melayu terhadap sastera Rusia nampak pada perbatasan kurun 19-20 bila karya yang menirukan bentuk puisi Melayu termasuk pantun diciptakan oleh penyair Rusia Valery Bryusov (1873-1924), Adelina Adalis (1900-1969), Alexander Zhovtis, Grigory Permyakov.

Dalam karya *Malayskie Pesni* (Lagu-lagu Melayu) misalnya yang diciptakan oleh Valery Bryusov¹ pada tahun 1909 dengan senang boleh mengenali petanda pulau-pulau Melayu: keharuman bunga cempaka “yang diserapi oleh angin”, pokok beringin, pisang, pandan, kelapa, sawah, harimau di belukar rimba, ombak putih di pantai laut. Dan tentu puitisnya watak dan muzik rentaknya (Victor A. Pogadaev, 2002):



<i>Bahasa Rusia</i>	<i>Bahasa Melayu</i>
Bely volny na poberezh'i moria, Dnem i v polnoch' oni shumiat. Belykh tsvetov v pole mnogo, Lish' na odin iz nikh moi glaza gliadat.	Gelombang putih di pantai laut, Siang malam ombak menderu. Bunga putih di padang banyak. Yang kena di hati cuma satu.
Glubzhe vody v chasy priliva. Smelykh sglotnet ikh alchnaia past' ... Glubzhe v dushe toska o miloy, Ni dnem, ni v polnoch' mne ee ne laskat'.	Pasang naik - air mendalam. Mulut rakus menelan orang... Nak cumbu rayu siang malam Rindu aku bukan kepalang.
Na nebe mesiats belyy i kruglyy, I more ot mesiatsa pliashet p'iano. Litso tvoe - mesiats, aly - tvoi guby, V grudi moey serdtse pliashet p'iano. * * *	Di langit bulan purnama putih Laut menari mabuk kepayang Mukamu - bulan, bibirmu merah, Jantung menari di dada sayang. * * *
Veter kachaet, nadyshavshiyasia champakom, Figi, banany, pandany, kokosy; Vedut nevestu podrugy s lampami, U nee ruki v zapiast'iakh, u nee s lentami kosy.	Angin berhembus berbau cempaka Khurma, kelapa, pandan dan pisang. Pengantin gembira, di leher pedaka, Tocang beriben, tangan bergelang.
Risovoe pole belo pod mesiatsem; Cherny i krasny, shnyriaiut letuchie myshi. S novobrachnoy muzhu na tsinovke veselo, Tseluet v spinu, obnimaet podmyshki.	Padi memutih disinari bulan. Kelawar hitam berandai-randai Pengantin baru berdakap-dakapan Isteri dicium dan dibelai.
Utrom ukhodiati tigrы v zarosli, Utrom zmei priachutsia v nory. Utrom menia solntse opalit bez zhalosti, Uydu iskat' teni na vysokie gory..	Harimau ke rimba pagi-pagi, Ular pagi-pagi ke dalam lubang. Pagi-pagi panas terik matahari, Aku cari teduh di gunung-ganang.

¹ Penyair dan penterjemah Rusia. Dilahirkan dan meninggal di Moskow. Pada tahun 1899 tamat Fakulti Sastera Universiti Moskow. Puisi pertama diciptakan pada tahun 1894. Pernah menjadi salah seorang penyair yang terkenal pada zamannya. Dianggap sebagai penganut aliran simbolisme.

Adapun Adelina Adalis maka puisinya *Lagu Serenada* ialah sangat popular pada awal abad ke-20. Lagu itu dalam bahasa Rusia memang cantik dan berbentuk pantun berkait:

<p>Ty vse, chto serdtsu milo, S chem ia szhilsia umom: Ty mne liubov' i sila,- Spi bezmiatezhnym snom!</p>	<p>Kaulah yang kena pada hatiku Yang bercantum dengan mindaku Kaulah cinta dan kekuatan aku Tidurlah dengan lelap!</p>
<p>Ty mne liubov' i sila, I svet v puti moem; Vse, chto mne zhizn' sulila,- Spi bezmiatezhnym snom.</p>	<p>Kaulah cinta dan kekuatan aku, Cahaya dalam perjalanannku Apa yang dijanjikan kehidupan Tidurlah dengan lelap!</p>
<p>Vse, chto mne zhizn' sulila Naprasno s kazhdym dnem; Ves' bred mladogo pyla,- Spi bezmiatezhnym snom.</p>	<p>Apa yang dijanjikan kehidupan Ternyata semakin sia-sia Segala cita-cita masa muda Tidurlah dengan lelap!</p>
<p>Ves' bred mladogo pyla O schastii zemnom Sud'ba osushchestvila,- Spi bezmiatezhnym snom.</p>	<p>Segala cita-cita masa muda Tentang kebahagiaan hidup Dipenuhi oleh nasib Tidurlah dengan lelap!</p>
<p>Sud'ba osushchestvila Vse v obraze odnom, Oдно gorit svetilo,- Spi bezmiatezhnym snom!</p>	<p>Dipenuhi oleh nasib Dalam satu bayangan sahaja Satu matahari bercahaya Tidurlah dengan lelap!</p>
<p>Oдно gorit svetilo Mne radostnym luchom, Kak buria b ni grozila,- Spi bezmiatezhnym snom!</p>	<p>Satu matahari bercahaya Girang menyinari aku Meskipun badai menimpa Tidurlah dengan lelap!</p>
<p>Kak buria b ni grozila, Khotia b skvoz' vikhr' i grom Neslos' moe vetrilo, - Spi bezmiatezhnym snom!</p>	<p>Meskipun badai menimpa Melalui angin dan petir Layarku melaju terus Tidurlah dengan lelap!</p>

Patut juga disebut Nikolay Gumilev yang pernah menterjemahkan banyak karya Timur, antara lain *Malaiskie pantuni* (Pantun Melayu). Beliau juga menciptakan sebuah babak dramanya dalam bentuk puisi dengan menggunakan bentuk pantun (*Ditya Allaha/ Bani Allah*):

Ptitsy	Burung-burung
Mudrets zhivet v teni chinar, Laskaia otrokov veselykh.	Arif dikelilingi pokok rimbun Membelai cucu yang gembira
Gafiz	Hafiz
Zazheg pozhar v nebesnykh dolakh Tsar' purpurnyy i zolotoy.	Matahari emas dan merah tua terbenam dan membakar langit
Ptitsy	Burung-burung
Laskaia otrokov veselykh, Mudrets pod'emlet kubok svoy.	Membelai cucu yang gembira Arif akan mengangkat piala
Gafiz	Hafiz
Tsar' purpurnyy i zolotoy Opisan v chashechkakh tiul'panov.	Matahari emas dan merah tua Terbayang dalam bunga tulip
Ptitsy	Burung-burung
Mudrets pod'emlet kubok svoy, Otvetnyy slysha zvon stakanov,	Arif akan mengangkat piala Untuk kesihatan orang lain
Gafiz	Hafiz
Opisan v chashechkakh tiul'panov Ego nadir, ego zenit.	Terbayang dalam bunga tulip Kemuncak dan senja hidupnya

Pengajian ilmiah pantun untuk julung-julung kali diadakan oleh pengkaji folklore Rusia A.N. Veselovsky (1838-1906) dalam karyanya yang kemudian diterbitkan dengan judul *Istoricheskaya Poetika* (Poetika Sejarah) (Veselovsky, 1989). Dalam karya itu diselidiki paralelisme psikologi dalam pantun. Menurutnya dua motif dalam pantun dibandingkan, satu daripadanya menjelaskan yang lain dan titik berat selalu terletak pada motif yang berisi manusiawi (bukan alam).

Lyudmila Mervart (1888-1965) yang pernah menterjemahkan banyak buku sastera klasik Melayu, termasuk *Hikayat Seri Rama* dan *Hikayat Seri Boma* juga pernah memberi perhatian kepada pantun. Dalam pengantar kepada terjemahan buku G. Neverman *Golos Buyvola. Malayskie Narodnie Pesni* (Suara Kerbau. Lagu Rakyat Melayu) (Mervart, 1961) beliau memaparkan keistimewaan pantun sebagai sastera rakyat dan asal usulnya. Menurutnya pantun yang tercantum dalam cerita penglipur lara memainkan peranan "tonggak ingatan" kerana pantun yang berbentuk puisi mudah dihafalkan. Pantun, begitu Mervart, menjadi salah

satu punca lahirnya peribahasa kerana banyak daripadanya terutama barisan ketiga dan keempat mengandungi kearifan rakyat.

Pengikutnya yang setia Boris Parnickel (1934-2004) dalam bukunya *Vvedenie v Literaturnyu Istoriyu Nusantari* (Pengantar Sejarah Sastra Nusantara) (Parnickel, 1980) menitikberatkan masalah asal usulnya pantun dengan menyatakan bahawa bentuk folklore itu sudah wujud sebelum pengaruh Hindu di Nusantara. Dia berkongsi hipotesis Gonda bahawa pantun lahir masa nenek moyang penduduk Austonesia masih menempati wilayah Cina Selatan.

Yang paling terperinci, pantun diuraikan oleh Vladimir Braginsky (1945) dalam karyanya *Istoriya Malayskoy Literaturi* (Sejarah Sastra Melayu) (Braginsky, l. 1983). Beliau mengkaji struktur pantun (sampiran dan isi serta pertalian antaranya) dan jenisnya (pantun dagang, pantun nasihat dan lain-lain), menyatakan bahawa sudah pada abad ke-14-15 pantun masuk sastra persuratan (*Hikayat Raja-Raja Pasai dan Sejarah Melayu*). Dia memerhatikan pula masalah simbolisme dan peranan irama dalam pantun.

Maria Boldireva (l. 1937) pernah membuat kajian tentang irama pantun dalam artikel "Nekotorie Osobennosti Indoneziyskogo Stihoslozheniya" (Beberapa Keistimewaan Penyajakan Indonesia) dalam buku *Problemi Vostocnogo Stihoslozheniya* (Masalah-Masalah Penyajakan Timur) (Boldireva, 1973) dan mencoba menggunakan pendekatan Rusia mengenai rimanya (sistem tonik yang biasa wujud dalam bahasa dengan tekanan nyata) yang bertentangan dengan pendapat A. Teeuw bahawa tak mungkin digunakan pendekatan Eropah terhadap rima pantun. Dia juga menarik perhatian kepada pengaruh folklore termasuk pantun terhadap puisi beberapa penyair Indonesia. Misalnya dia mencatat bahawa dalam "Lagu Gadis Italia" oleh Sitor Situmorang digunakan irama pantun.

Beberapa pengkaji melihat ciri-ciri persamaan antara pantun Melayu dan bentuk folklore Rusia *chastushka* yang kebetulan juga terdiri dari empat barisan dan mempunyai struktur hampir sama (sampiran dan isi) (Victor Pogadaev, 2002).



Contoh *chastushka* Rusia itu diberi di bawah sebagai berikut:

Bahasa Rusia	Bahasa Melayu
Lodka tonet i ne tonet, Potikhonechku plyvet. Milyy liubit i ne liubit – Tol'ko vremechko vedet.	Perahu antara berlayar tidak berlayar Dihanyutkan perlahan-lahan Kekasihku antara cinta tidak cinta Hanya mensia-siakan masa.

Di sini disebut dua gejala yang seakan-akan tidak ada pertaliannya. Tetapi sampiran mengenai perahu menguatkan isi tentang cinta. Perbezaan antara pantun dan *chastushka* ialah *chastushka* itu di Rusia masih dilagukan padahal di Malaysia sekarang ini kebanyakannya dibacakan sahaja.

Mungkin yang paling menarik ialah terdapatnya persamaan sujet dalam pantun Melayu dan *chastushka* Rusia. Kiranya gagasan Propp mengenai "sujet pengembara" yang digunakannya terhadap dongeng rakyat boleh dipakai mengenai jenis folklore lain termasuk pantun.

Perhatikan sebuah *chastushka* Rusia dan pantun Melayu yang disebut di bawah:

<i>Chastushka Rusia</i>		<i>Pantun Melayu</i>
<i>Bahasa Rusia</i>	<i>Bahasa Melayu</i>	
Vy razrezh'te moe serdtse, Posmotrite na nego: Ne belee serdtse sazhi Eto vse iz-za nego.	Belah jantungku Tengoklah pada isinya Jantungku hitam seperti jelaga Kerana rindu pada kekasihku.	Terang bulan terang ke paya Anak gagak makan padi. Kalau tuan kurang percaya, <i>Belah dada lihatlah hati.</i>

Patut menyebut bahawa seperti di Malaysia di Rusia juga nampak usaha memelihara bentuk folklore itu (ada peraduan, program khas di TV dan lain-lain).

Pantun Melayu ialah popular di Rusia sampai kini. Pada tahun 1996 dalam antologi puisi tradisional dan moden Melayu *Ruchei* (Sumur di Ladang) yang diselia oleh Boris Parnickel (Parnickel, 1996) termuat terjemahan 69 buah pantun. Pembaca antologi puisi itu boleh membandingkan bagaimana beberapa pantun berbunyi dalam terjemahan ke dalam bahasa Rusia, misalnya:

<i>Bahasa Melayu</i>	<i>Bahasa Rusia</i>
Pisang emas bawa berlayar Masak sebiji di atas peti Hutang emas dapat dibayar Hutang budi dibawa mati.	Lodka legko rassekaet volnu. Zolotoy banan dozrevaet v teni. Den'gi zaniel i totchas vernul. Dolg serdechnyy poprobuy verni.

<i>Bahasa Melayu</i>	<i>Bahasa Rusia</i>
Singapura negeri baharu Tuan Raffles menjadi raja Bunga melur, cempaka biru Kembang sekuntum di mulut naga.	Singapur novym gorodom vse nazyvaiut. Mister Rafflz pravit im po zakonu. Ty zhasmin moy! Chempaka moia golubaia Ty kak nezhnnyy tsvetok v zubakh u drakona

<i>Bahasa Melayu</i>	<i>Bahasa Rusia</i>
----------------------	---------------------

Rumah kecil pintu ke laut.
Tempat orang menggeser biola
Tubuh kecil bagai di raut
Di situ hatiku gila.

Malen'kiy domik u samogo moria.
Kto-to v tom dome na skripke igraet.
Serdse lishit menia razuma vskore,
Vidia figurku tvoiu, zamiraet.

Beberapa penyair moden Rusia juga tertarik kepada pantun dan menciptakan puisinya dengan menggunakan irama pantun. Misalnya Svetlana Gorshunova (1974-2001) mempunyai puisi berjudul *Pantun. Malaysky Stikh* (Pantun. Puisi Melayu) (Gorshunova, 2000).


<i>Bahasa Rusia</i>	<i>Bahasa Melayu</i>
Ne les, ne step', ne breg morskoy Uvodiat nas, vlekut, zovut, I my, plenennye, gur'boy V odin vpletaemsia marshrut.	Bukan hutan, bukan padang, bukan pantai Memanggil, menarik dan memikat kita. Dan terpesona beramai-ramai Kita berlepas ke destinasi sama.
Uvodiat nas, vlekut, zovut Ushchel'ia strannykh, dikikh gor. V odin vpletaemsia marshrut Strastiam svoim naperekor.	Memanggil, menarik dan memikat kita Jurang gunung yang buas dan ganjil. Kita berlepas ke destinasi sama Mencabar nasib dan hari depan.
Ushchel'ia strannykh, dikikh gor - Zdes' ekho vtorit plesku vod. Strastiam svoim naperekor My molcha dvizhemsia vpered.	Jurang gunung yang buas dan ganjil - Di sini percikan air berkumandang. Mencabar nasib dan hari depan Kita dengan senyap mara ke depan.
Zdes' ekho vtorit plesku vod, Zdes' gromkiy zvuk vlechet obval. My molcha dvizhemsia vpered, Tuda, na Chernyy pereval.	Di sini percikan air berkumandang. Di sini suara kuat membuat batu runtuh. Kita dengan senyap mara ke depan. Ke sana, ke genting bukit Hitam.
Zdes' gromkiy zvuk vlechet obval, Nevernyy shag prinosit smert'. Tuda, na Chernyy pereval, Neset nas zhizni krugover't'.	Di sini suara kuat membuat batu runtuh Langkah salah membawa maut. Ke sana, ke genting bukit Hitam, Kita dibawa oleh pusingan hidup.
Nevernyy shag prinosit smert'. No my dolzhny tuda doyti. Neset nas zhizni krugover't' Osvoit' novye puti.	Langkah salah membawa maut. Tetapi kita mesti mancapai tujuan. Kita dibawa oleh pusingan hidup Menerokai jalan yang baru.
No my dolzhny tuda doyti,	Tetapi kita mesti mancapai tujuan

<p>Gde kriki ptits, gde zelen' khvoy. Osvoit' novye puti I novyy skit postroit' svoy.</p>	<p>Di mana burung kicau, daun hijau Menerokai jalan yang baru Membina rumah kecil yang baru.</p>
<p>Gde kriki ptits, gde zelen' khvoy Eshche schastlivymi nam byt' I novyy skit postroit' svoy, I gor'kikh istin prigubit'.</p>	<p>Di mana burung kicau, daun hijau Kita akan berbahagia penuh Membina rumah kecil yang baru Dan menginsyafi kebenaran pahit.</p>

Kadang-kadang penyebutan pantun ditemui dalam karya prosa juga. Dalam cereka sains *Vlastelin Mira* (Penguasa Dunia) oleh Nikolai Dashkiev (1921-1976) ada episod kematian seorang hero utama. Jadi temannya meratapinya dan berkata: “Kau mati sebelum negara kita bebas, tetapi dalam bakal kemenangan kita ada sumbangan kau juga dan ibu-ibu Melayu akan menyanyikan pantun tentang keberanian kau...” (Dashkiev, 1957).

Jadi ada sesuatu di pantun Melayu itu yang mengenakan hati penyair dengan tradisi puisi dan budaya lain sama sekali.


ISU PANTUN MELAYU

 Sebagai bentuk puisi baharu Pantun Melayu datang ke Barat pada abad ke-19 dan menjadi terutama popular di akhir abad ke-19—awal abad ke-20 di Rusia. Mengapa pantunlah yang diperhatikan oleh penyair Rusia dan mengapakah tepat pada masa itu?

Memang ada semacam enigma dan misteri dalam pantun Melayu yang menjadikannya genre puisi yang tiada duanya. Tetapi mungkin hal itu ada hubungannya dengan keserupaan antara pantun dan genre puisi tradisional Rusia seperti disebut di atas.

Untuk menjawab bahagian kedua soalan yakni mengapa puncak kepopularan pantun jatuh kepada tepat pada abad ke-19-20 ada baiknya kita merujuk kepada sejarah. Seperti diketahui di Rusia pada masa itu terjadi banyak peristiwa sejarah yang penting. Khususnya bila menyebut Rusia penting mencatat perang dan revolusi yang membawa banyak perubahan ke dalam kehidupan masyarakat termasuk kehidupan rohaniiah.

Saat pantun masuk Rusia, negara itu mengalami tempoh masa pergolakan menjelang revolusi maka para penyair dan penulis mencari bentuk baharu untuk mengekspresikan gagasannya.



Kedatangan pantun ke Eropah bertepatan dengan munculnya di sana **fahaman** romantisme, aliran seni dan ideologi yang menggantikan **klasisisme**. Kayu ukur baru dalam **kesenian** menjadi kebebasan ekspresi diri, perhatian kepada sifat-sifat manusia yang menjadi keperibadiannya, **kesahajaan**, keikhlasan dan keterbuakaan. Para penganut romantisme itu merujuk kepada sesuatu yang ghaib, mistik bahkan ngeri, dongeng dan cerita rakyat.

Di Rusia pula, pantun diperhatikan untuk pertama kali oleh penganut aliran “Abad Perak” yang menjadi ciri khas puisi Rusia akhir abad ke-19 - awal abad ke-20 (“Abad Emas” dalam kesusasteraan Rusia adalah zaman Alexander Pushkin yang digelar sebadai pengasas bahasa dan sastera moden Rusia). Masa itu boleh disifatkan dengan beberapa aliran utama termasuk simbolisme (antara penganutnya adalah Bryusov yang disebut di atas) yang timbul sebagai protes terhadap “kemiskinan” puisi Rusia, sebagai keazaman mencari perkataan segar, mengembalikan kekuatan hidup kepadanya.

Simbolisme menjadi salah satu aliran mandiri yang paling kreatif daripada kesenian dan sastera Rusia pada masa peralihan abad ke-19-20.

Pada dasarnya simbolisme mencerminkan keinginan para seniman melalui imej simbolik menyatakan hakikat dan gagasan, perasaan dan vision rumit yang difahami secara intuitif sahaja. Prinsip-prinsip falsafah-aestetik simbolisme berpunca pada karya-karya A. Schopenhauer (1788-1860), F. Nietzsche (1844-1900), muzik R. Wagner (1813-1883) dan lain-lain.

Para penganut simbolisme berusaha meresapi rahsia kehidupan dan minda, melihat melalui realiti zahiriah sebuah hakikat ideal alam di luar hubungan waktu (“daripada hakikat nyata - kepada hakikat yang paling nyata”) dan bahagiannya yang “kekal” yakni bahagian transedental. Dalam kehidupan rutin, para penganut simbolisme merasakan bermacam-macam pertalian dalam, keutuhan semua imej dan benda (Pogadaev 2006).

Dunia imej simbolisme tidak ada habisnya: masalah kehidupan dan kematian, kekacauan dan kosmos, kebaikan dan kebencian, kecantikan dan kehodohan (sama seperti dalam pantun).

Dalam karya-karya para penyair, penulis, pemuzik, pelukis yang menganut simbolisme, seni menjadi lapangan untuk berinteraksi dengan Yang Maha Tinggi. Melalui interaksi itu manusia meresapi makna Keindahan dan mencari jalannya sendiri kepada Perobahan, daya kreativiti baharu dan dunia baharu.

Di kalangan para penganut simbolisme terbentuk semacam “Kode Kreativiti” tak bertulis yang menyatukan pemikiran kreatif dengan pemikiran falsafah-agama dan mendorong mereka membangkitkan masalah abadi di luar hubungan masa.

Hakikat simbolisme, dengan tepat sekali disimpulkan oleh Vladimir Soloviev (1853 -1900), seorang filosof dan penyair Rusia:

*Sahabatku, kan kau tak melihat
Segalanya yang kita lihat
Cuma kilauan, cuma bayangan
Dari apa yang tak dilihat mata.
Sahabatku, kan kau tak dengar
Bising rutin sehari-hari
Cuma gema yang terpulas
Dari bunyi-bunyi yang meriah.*

Dari segi sejarah zaman itu adalah masa perubahan dan revolusi yang menimbulkan keinginan mencari sesuatu baharu dalam kesenian.

Penting juga mencatat bahawa pada akhir abad ke-19-awal abad ke-20, dunia Timur menimbulkan minat besar pada para seniman. Bayangan alam Timur dengan keindahannya yang mempesonakan menjadi punca

ilham bagi banyak penyair Rusia masa itu. Tema itu disinggung di puisi pemenang Nobel Ivan Bunin (1870-1953). Beliau menyelidiki karya-karya mengenai negara-negara Timur dan tertawan oleh “masjid, menara masjid dan kubah berseni tinggi”. Beliau sangat menghargai sifat bangga dan jati diri orang Timur yang menghadapi para penjajah Barat. Orang kata, Ivan Bunin selalu membawa padanya sebuah antologi puisi penyair kenamaan Parsi Saadi (1184-1291) yang sangat mempengaruhi kreativitinya (Victor A. Pogadaev, 2003).



Penyair lain yakni Nikolai Gumilev (1896-1921) sangat berhasrat melawat negara-negara Timur hal mana dicerminkan dalam karyanya. Sergey Esenin (1895-1925) dalam puisinya *Lagu-lagu Parsi* menggambarkan dirinya sebagai seorang sufi yang mengembara.

Dengan demikian kami boleh menyimpulkan bahawa masa akhir abad ke-19 - awal abad ke-20 adalah sangat kondusif untuk diterimanya pantun Melayu di Rusia dan kenaikan popularitinya di sana.

Patut mencatat pula bahawa pantun masih popular di Eropah setakat ini. Menurut pengkritik sastera Amerika Miriam Sagan “pantun amat sesuai bagi mereka yang menulis pada akhir abad ke-20. Sifatnya yang berulang dan berpusar memberi perasaan berupa lagu mistik. Baris-barisnya memisahkan pemikiran linear. Bentuknya bersifat lama dan segar. Sekali kita mengambilnya, pantun akan terus menjadi bentuk yang kita ingin ulangi dan ulangi lagi” (Zalila Sharif, 2002: 72).

Populariti pantun sekarang ini menjadi lebih besar berkat Internet. Dan hal itu tidak dibatasi hanya oleh laman web peribadi sahaja. Misalnya baru-baru ini wujud bahkan sebuah laman web pantun berbahasa Inggeris dari USA yang merupakan sebuah subportal di laman web www.poesysite.com. Laman pantun tersebut dibangunkan atas kerjasama eSastera.com, terutama pengasasnya Irwan Abu Bakar dari Malaysia, dengan pemilik poesysite.com, George Manos yang beroperasi dari New York. Laman pantun itu ada objektif untuk mempromosikan penulisan pantun dalam bahasa Inggeris di kalangan masyarakat antarabangsa. Pelawat diajar perkara-perkara asas tentang penulisan pantun dan diajak bersama-sama menyumbangkan pantun karya asli tulisan mereka dalam bahasa Inggeris.

Contoh pantun yang diciptakan oleh George Manos sendiri ialah:

*The air around is scented so fine
The flowers bask in the daylight's glow
Suitable to this sweet love of mine
Where nature's bed lets her beauty show.*

(*Sastera.Net*, edisi 2)

Rusia juga boleh berbangga dengan laman WEB sastera di mana terjemahan pantun dan pantun ciptaan sendiri boleh dimuat. Misalnya www.poetarium.ru, atau www.pereplet.ru, atau www.stihi.ru/poems.

KESIMPULAN

Dengan demikian analisis di atas menunjukkan bahawa pantun diselidiki banyak oleh sarjana Rusia dan bahkan “dipinjamkan” oleh penyair Rusia sebagai bentuk puisi yang kebanyakannya diubah dan diberi ciri-ciri baharu. Hal ini boleh dilihat dari segi teori intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva pada tahun 1967. Menurutnya setiap teks ialah transformasi daripada teks yang lain atau ada pengaruh dan hubungan dengannya. Intertekstualiti ini ada beberapa prinsip-prinsip, antara lain prinsip transformasi (pemindahan, penjelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain), modifikasi (penyesuaian, perubahan atau pindaan terhadap sesebuah teks ke dalam sesebuah teks yang lain),

ekspansi dan lain-lain. Dengan demikian pantun Melayu “dipinjamkan” oleh penyair Rusia melalui proses transformasi dan modifikasi.

Penyelidikan menunjukkan juga bahawa dari faktor masa pantun datang ke Rusia melalui Eropah tepat dan menjadi popular pada akhir abad ke-19 – awal abad ke-20 kerana masa itu adalah masa perubahan dan pencaharian bentuk baharu dalam sastera dan kesenian secara amnya. Pantun yang menurut bentuknya serupa dengan beberapa genre sastera rakyat Rusia dan berbau eksotik dengan segera menduduki tempat penting dalam usaha pencaharian itu. Pantun ialah sastera rakyat dan hal itu menjadi punca kekuatannya dan kekalnya yang tak habis kunjung.

Pasti para pengkaji Melayu kelak berulang kali lagi akan mempelajari fenomena sastera Melayu itu dan selalu akan mengkaguminya.

Memang dengan pantun boleh melahirkan bermacam-macam perasaan: kasih cinta, kekaguman, pertimbangan rasa. Dan tidak selalu perlu menciptakan pantun baru. Kadang-kadang cukup mengubahsuaikannya sahaja. Seperti misalnya,

Tanam lenggundi – tumbuh kelapa
Terbit bunga – pucuk mati
Malaysia ini takkan kulupa –
Sudah terpaku di dalam hati.

BIBLIOGRAFI

- Adalis, A., 2000. “Lagu Serenada”. *Sovetskaya Literatura: Poericheskaya Kniga (1900-1955)* (Sastera Soviet: Buku puisi), Moscow.
- Braginsky, V.I., 1983. *Istoriya Malayskoy Llitteraturi VII-XIX Vekov* (Sejarah Sastera Melayu Abad VII-XIX). Moscow.
- Bryusov, V., 2000. “Malayskie Pesni” (Lagu-lagu Melayu). *Sovetskaya Literatura: Poericheskaya Kniga (1900-1955)* (Sastera Soviet: Buku Puisi), Moscow.
- Boldireva, M.A., 1973. “Nekotorie Osobennosti Indoneziyskogo Stihoslozheniya” (Beberapa Keistimewaan Penyajakan Indonesia). *Problemi Vostocnogo Stihoslozheniya* (Masalah-Masalah Penyajakan Timur). Moscow, hlm. 115-127.
- Dashkiev N., 1957. *Vlastelin Mira* (Penguasa Dunia). Kharkov.
- Francois-Rene Daillie, 1990. *Alam Pantun Melayu, Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: DBP.
- Goh Thean Chye, 1980. *An Introduction To Malay Pantuns*. Kuala Lumpur: Department of Chinese Studies University Of Malaya.
- Gorshunova, S., 2000. “Pantun. Malaysky Stikh” (Pantun. Sajak Melayu). *Perepiska s Real’nost’yu* (Surat-Menyurat dengan Realiri), Moscow.
- Kamus Dewan. Edisi Keempat*. 2005. Kuala Lumpur: DBP.

- Katharine Sim, 1987. *More Than a Pantun, Understanding Malay Verse*. Singapore, Kuala Lumpur: Times Books International.
- Md. Salleh Yaapar, 2002. "Jatuh Ke Laut Menjadi Pulau: Mengamati Hubungan Pantun Melayu Dan Pantoum Barat", dlm. Dewan Sastera, Oktober.
- Mervart, L.A., 1961. Penyelia dan prakata. *Neverman G. Golos buyvola. Malayskie Narodnie Pesni* (Suara Kerbau. Lagu-lagu rakyat Melayu). Moscow.
- Omardin Haji Asha' Ari, 1961. *Kajian Pantun Melayu*. Singapore: Malaya Publishing House Limited.
- Parnickel, B.B., 1980. *Vvedenie v Literaturnuyu Istoriyu Nusantari* (Pengantar Sejarah Sastera Nusantara). Moscow.
- Parnickel, B.B., 1996. Penyeliaan; terjemahan; prakata; catatan. - *Rucey. Traditsionnaya i Sovremennaya Malayskaya Poeziya* (Sumur di Ladang. Puisi Tradisional dan Moden Melayu). Moscow.
- Richard Winstedt, 1996. *A History of Classical Malay Literature*. Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan: Eagle Trading Sdn Bhd.
- Veselovsky, A.N., 1989. *Istoricheskaya Poetika* (Poetika Sejarah), Moscow.
- Victor A. Pogadaev, 2002. "Pantun Melayu di Rusia", dlm. Dewan Sastera, Oktober.
- Victor A. Pogadaev, 2003. "Aku menghayati keindahan Al Quran..." I (Islam), bil. 4, Februari.
- Victor A. Pogadaev, 2006. "Puisi 6 Penyair Rusia dari Aliran Simbolisme". "Sastera.Net". Edisi 1. KL: eSastera Enterprise.
- Zalila Sharif, 2002. "Daripada Pantun Kepada Pantoum", dlm. "Dewan Sastera", Oktober.

Dr. Victor A. Pogadaev is an Associated Professor at the Faculty of Languages & Linguistics, University of Malaya. He graduated from the Institute of Oriental Languages, Moscow Lomonosov State University in 1970 and got Ph.D in 1976. He used to be a Senior Lecturer in Malay Studies at the Institute of Asian and African Studies and the consultant-editor of the "Encyclopaedia Asiatica" at the Institute of Oriental Studies, Russian Academy of Science. His interest is in the sphere of culture, translation and lexicography. He has more than 150 publications including several Malay and Indonesian dictionaries. Member of Nusantara Society, Russian Orientalists' Association, Journalist Union of Russia, Russian Geographic Society.

Anna Pogadaeva is a graduate of the Moscow State University, College of Asian and African Studies where she studied Malay Culture and Literature. Currently she is doing her Masters at the Academy of Malay Studies, University of Malaya. Translated some poems of Kemala, Aziz Deraman and Baha Zain into Russian.

Dr. Victor A. Pogadaev
 Profesor Madya
 Jabatan Bahasa-Bahasa Asia dan Eropah
 Fakulti Bahasa & Linguistik

Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

tel. 796-73044, h.p. 012-6101086
fax. 795-79707
e-mail: victor@um.edu.my